



Administrator of Christmas Island
Administrator of the Cocos (Keeling) Islands



Community Bulletin

Musim Siklon - Pulau Christmas

Bilangan: A69/2018

Tarikh: 4 December 2018

Di Wilayah Lautan Hindi, kita semua sudah biasa menghadapi musim siklon, iaitu dari bulan November hingga April. Sebagaimana kita sedia maklum, siklon jarang-jarang sekali berlaku dan kejadiannya tidak dapat diramalkan tetapi kita tetap perlu bersiap sedia. Sekarang ini juga musim tengkujuh yang membawa masalahnya sendiri. Memandangkan musim siklon semakin dekat, saya rasa sangat penting saya mengingatkan semua orang betapa perlunya persediaan ini. Jawatankuasa pengurusan kecemasan pulau telah pun berbincang tentang persediaan sebelum menghadapi siklon dan pihak Shire juga ada menyiarkan maklumat mengenai siklon dalam "The Islander."

Komuniti juga perlu bersiap sedia. Bersihkan kawasan rumah anda dan jika amaran dikeluarkan, pastikan semua bangunan dirapikan dan simpan semua barang. Kadangkala, hujan turun dengan lebat lalu menimbulkan beberapa cabaran akibat banjir kilat, jalan raya yang licin dan sudah pastinya, bahaya tanah runtuh atau batu-batu besar yang berguling turun di Flying Fish Cove. Tolong baca semua makluman yang disiarkan, dan ikuti arahan petugas di tapak semasa kejadian. Mereka berada di sana untuk menolong kita dan untuk menjaga keselamatan kita. Yang berikut ialah lokasi lampu dan tanda amaran kita:

- Jalan Pantai / Club Road / Petempatan Pejabat Pos & Pejabat Komanwel
- Jalan Perkhidmatan Gaze & Petempatan Bangunan Penyimpanan
- Murray Road & Dewan Komuniti Poon Saan
- Murray & Golden Bosun Road Drumsite
- Masjid / Jalan Pantai / Jalan Kampong Melayu Kampong

Jika lampu-lampu menyala, ikuti arahan yang akan disiarkan secara meluas pada ketika itu. Ingatlah bahawa jika anda menghadapi kesulitan pada bila-bila masa dan memerlukan bantuan kecemasan, hubungilah pihak berkuasa. Saya sertakan dengan buletin ini helaian tentang panggilan kecemasan yang dibekalkan oleh pihak Polis.

Akhir kata, jagalah keselamatan pada musim ini dan lindungilah diri anda, jiran tetangga anda, dan komuniti anda. Juga jangan lupa menantikan penghijrahan ketam.

Natasha Griggs

Pentadbir — Wilayah Pulau Christmas dan Kepulauan Cocos (Keeling)

PO Box 868, Christmas Island INDIAN OCEAN 6798
Telefon: +61 8 9164 7960 • Faksimile: +61 8 9164 7961



SIAPA YANG ANDA AKAN PANGGIL?

Polis Persekutuan Australia Pulau Krismas (AFP) di sini untuk membantu anda.

- Jika anda hilang? Hubungi 000 dan mempertimbangkan menggunakan nyala kecemasan dan EPIRB (Kedudukan Kecemasan Menunjukkan Radio Beacon) apabila sesuai.
- Jika bot anda pecah di laut? Hubungi 000 dan mempertimbangkan menggunakan nyala kecemasan dan EPIRB (Kedudukan Kecemasan Menunjukkan Radio Beacon) apabila sesuai.
- Sekiranya seseorang yang cedera dan memerlukan bantuan perubatan? Hubungi 000.
- Jika anda adalah mangsa satu jenayah? Hubungi AFP.
- Jika anda adalah mangsa penipuan kewangan yang dalam talian? Hubungi AFP.
- Jika anda adalah mangsa keganasan rumah tangga? Hubungi AFP.
- Jika anda terlibat dalam pelanggaran kenderaan dengan kecederaan? Hubungi 000 dan memberitahu AFP.
- Jika anda terlibat dalam pelanggaran kenderaan tanpa kecederaan? Hubungi AFP.
- Jika anda tahu seseorang yang hilang? Hubungi 000.

AFP yang akan bersedia 24/7. Jika anda perlukan bantuan sila hubungi kami. Kami mempunyai latihan dan peralatan untuk membantu dalam apa-apa kecemasan.

Untuk semua panggilan kecemasan 000.

Bagi perkara-perkara rutin AFP hubungi 91648444.

Jika anda perlukan bantuan, yang anda akan memanggil? Pihak Polis sudah tentu?